

ATM: Pencerobohan komputer, hasutan ancaman baru negara

UM 7 SEP 2002

Oleh BORHAN ABU SAMAH

LUMUT 16 Sept. — Pencerobohan komputer dan hasutan oleh pihak tertentu merupakan bentuk ancaman dan cabaran baru terhadap keselamatan negara, kata Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

Beliau menegaskan, selepas tiada lagi ancaman konvensional, dua bentuk ancaman baru itu boleh menjejaskan keselamatan negara jika tidak ditangani.

Sehubungan itu katanya, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Kementerian Pertahanan dan Markas ATM untuk menghadapi ancaman sedemikian.

“Ancaman seperti perbuatan mencero- boh komputer untuk merosakkan rancangan pertahanan negara dan hasutan sama ada di dalam atau di luar negara adalah ancaman baru yang perlu ditangani oleh ATM,” katanya.

● Lagi laporan dan gambar — Muka 16

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas upacara Perbarisan Hari ATM ke-69 di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini hari ini.

Menurut Mohd Zahidi, krisis kewangan yang dihadapi oleh negara pada tahun 1997 dan 1998 telah memiskinkan negara tanpa mana-mana pihak boleh berbuat apa-apa se-

hingga sedikit sebanyak menjejaskan persiapan pertahanan negara mengikut perancangan sewajarnya.

Selain itu katanya, ancaman lain ialah hasutan yang bertujuan mencemarkan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh angkatan tentera.

Keadaan semasa, katanya, turut mengubah corak pemikiran dalam ATM yang kini dengan memberi penekanan kepada pelaksanaan tugas secara bersepadu ketiga-tiga perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara.

Oleh itu kata beliau, pembangunan yang dijalankan juga menjurus kepada pemba-

■ Lihat muka 4

ATM: Pencerobohan komputer, hasutan ancaman baru negara

ngunan yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan sebagai satu angkatan.

Tindakan bersepadu itu, katanya, penting bagi ATM berdepan dengan krisis semasa dan pada masa depan.

“Contohnya ketika kes Al-Maunah di Sa- uk pada tahun 2000 ia melibatkan tindakan bersama tentera darat dan udara,” katanya.

Begitu juga dengan Ops Pasir yang di- jalankan sejak tahun 2000 hingga kini di ke- pulauan dan pantai di Sabah turut melibat- kan tiga cabang perkhidmatan.

“Tentera Darat menempatkan anggotanya di pulau-pulau serta persisiran pantai manakala Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menyediakan pesawat pejuang dan helikopter, manakala TLDM menempatkan aset-aset yang diperlukan,” katanya.

Katanya, tidak timbul soal angkatan mana yang lebih penting kerana ketiga- tiganya mempunyai peranan yang sama.

Sehubungan itu juga, katanya, Kement- erian Pertahanan mewujudkan Markas Ang- katan Tentera yang dianggotai oleh para pegawai dan anggota lain-lain pangkat dari ketiga-ketiga perkhidmatan.

Di peringkat pusat, jelas beliau, kerajaan telah mengadakan perbincangan untuk me- wujudkan jawatankuasa induk yang dipe- ngerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berperanan menyusun tindakan melibatkan pelbagai agensi.

“ATM sebagai komponen pelaksana, perlu bersedia menentukan pertukaran maklumat dan perisikan terus dipertingkatkan.

“Itulah sebabnya pada masa ini dan pada masa depan, kerjasama dua hala dengan angkatan tentera negara jiran dipergiatkan dengan melaksanakan latihan bersama di peringkat satu atau ketiga-tiga perkhidma- tan,” katanya.